

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI, 1983

-----

S: SEPERTI YANG KITA MAKLUM, UMNO ADALAH PARTI TERKUAT DI TANAH AIR DAN TIDAK ADA PILIHAN LAIN. NAMUN, WALAUPUN KELIHATAN KUAT, PERKEMBANGAN DALAM PARTI SEKARANG AMAT MEMBIMBANGKAN. PERKARA-PERKARA SEPERTI PERPECAHAN DALAM UMNO DAN DALAM PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN TELAH MEREBAK HINGGA KE PERINGKAT BAWAHAN. APAKAH YANG BOLEH DIBUAT OLEH PUCUK PIMPINAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI?

J: SAYA TIDAK FIKIR MASALAH ITU SEBESAR YANG DIBAYANGKAN OLEH ANDA. TETAPI PIHAK AKHBAR, SAYA RASA, MULA MEMPERCAYAI LAPORANNYA SENDIRI MISALNYA, TERDAPAT LAPORAN ORANG INI TIDAK BERCAKAP DENGAN ORANG ITU; INI TIDAK BENAR LANGSUNG. ORANG MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI PENTAFSIRAN... ADAKAH ORANG ITU DUDUK DI SEBELAH ORANG YANG LAIN; ADAKAH IA RAPAT; BERAPA RAPATNYA DAN KESEMUA PERKARA INI DIAMBIL KIRA SEKARANG. ANDA CUMA MELIHAT BAYANG.

MEMANGLAH ADA MASALAH; KAMI MENGAKUI TERDAPAT MASALAH TETAPI MASALAH INI BUKAN TIDAK BOLEH DIATASI. SAYA PERCAYA UMNO, KHUSUSNYA, DIPIMPIN OLEH ORANG YANG BERSIKAP SEDERHANA. MEREKA TIDAK MAHU MEMUSNAHKAN PARTI. TETAPI, MEREKA KADANG KALA TERBAWA OLEH GESAAN PARA PENYOKONG MEREKA YANG INGIN MELIHAT PERTARUNGAN HEBAT. SEPERTI BOLASEPAK, SORAKAN OLEH PARA PENONTON LEBIH KUAT DARIPADA PERTARUNGAN DI ATAS PADANG. YANG DIMIKIAN, ANDA MEN-DAPATI ORANG YANG AMAT GIAT TETAPI SAYA TELAH MEMBERIKAN AMARAN KEPADA MEREKA BAHAWA APA YANG MEREKA LAKUKAN TIDAK HARUS MENJEJASKAN PARTI, JANGAN SAMPAI MEMECAHBELAHKAN PARTI.

--LAGI 8040/AN

ZCZC B513

MAHATHIR-TEMURAMAH (POLITIK) 2 KUALA LUMPUR

SAYA RASA AMARAN YANG SAYA BERIKAN DITERIMA DENGAN BAIK. SAYA FIKIR SUDAH PUN TERDAPAT KEREDAAN.

S: TETAPI, SEBALIKNYA, DATUK, ADA TAFSIRAN DARIPADA GOLONGAN-GOLONGAN YANG LAIN BAHAWA APA YANG DIMAKSUDAKAN OLEH DATUK IALAH DATUK TIDAK MAHU ORANG MENYOKONG SATU GOLONGAN TERTENTU MANAKALA SATU GOLONGAN LAIN MENYATAKAN SEBALIKNYA.

J: MEMANG BEGITU. KEDUA-DUA BELAH MEMBUAT TAFSIRAN SENDIRI LEBIH LEBIH LAGI KERANA MEREKA MAHU MENJAMIN MEREKA MENANG PADA AKHIRNYA. APA SAHAJA YANG SAYA KATAKAN BOLEH DITAFSIRKAN MENGIKUT KEMAHUAN MEREKA. TETAPI, PARA ANGGOTA BAWAHAN UMNO TAHU APA YANG SAYA MAKSUDKAN.

S: DATUK, ADAKAH PARA ANGGOTA PERINGKAT BAWAHAN BERSATUPADU SEBENARNYA? SAYA FIKIR KESAN PEMILIHAN UMNO TERAKHIR MASIH DIRASAI?

J: CUMA OLEH SEGELINTIR DALAM UMNO SAHAJA. YANG LAINNYA TIDAK TERLIBAT.

S: DATUK, SETELAH MENYATAKAN PARA PENYOKONG SENTIASA INGIN MELIHAT PERTARUNGAN HEBAT, ADA PULA ORANG YANG MENYATAKAN PARA PENYOKONG TIDAK MUNGKIN BERTINDAK SEDEMUKIAN DAN MENGELUARKAN KATA-KATA SEDEMUKIAN TANPA SOKONGAN PEMIMPIN PUK MEREKA.

J: SUKAR UNTUK BERKATA SIAPAKAH YANG MENDORONG SIAPA; SAMA ADA PEMIMPIN MENDORONG PENYOKONG ATAU PENYOKONG YANG MENDORONG PEMIMPIN TETAPI, BIASANYA PEMIMPIN -- PEMIMPIN YANG BIASA DAN BUKAN YANG LUARBIASA -- SUKA MENYAHUT PARA PENYOKONG MEREKA SENDIRI.

--LAGI 0844/AN

ZCZC B516

MAHATHIR-TEMURAMAH (POLITIK) 5 KUALA LUMPUR

J: SAYA TIDAK NAMPAK SALAHNYA PERPADUAN MALAYSIA, KITA SEMUA MENYOKONGNYA. JIKA GERAKAN BERPENDAPAT DEMIKIAN, MEREKA SECUCUK DENGAN PENDIRIAN KERAJAAN. TETAPI JIKA MEREKA MEMUTUSKAN UNTUK BERCANTUM DENGAN MCA KEADAAN MENJADI KELIRU SEDIKIT. INI KERANA MEREKA MAHU MENJADI RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN MALAYSIA TETAPI SEBALIKNYA MEREKA JUGA MAHU DIANGGAP RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CINA. MEREKA HENDAKLAH MEMUTUSKAN APA YANG MEREKA MAHU SEBENARNYA. KAMI SEMUA MENYOKONG PERPADUAN MALAYSIA DAN DALAM KONTEKS PERPADUAN MALAYSIA KITA MENGASASKAN SEMUA DASAR KITA.

S: MEMANDANG BEGITU, MENGAPA UMNO MENJADI PARTI MELAYU SAHAJA?

J: SOALAN YANG SAMA BOLEH DITUJUKAN KEPADA PARTI-PARTI LAIN. KAMI PERCAYA PARTI-PARTI KOMPONEN BOLEH MEWAKILI MASYARAKAT TETAPI KAMI HENDAKLAH BERUSAHA UNTUK BEKERJA RAPAT.

--BERNAMA 0256/AN